

709 pekerja Perwaja Steel lega terima pampasan

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KEMAMAN: Penantian lebih tujuh tahun 709 bekas pekerja Perwaja Steel Sdn. Bhd. di sini mendapat pembelaan apabila diumumkan menerima pampasan semuanya berjumlah RM8.645 juta.

Pampasan itu berita gembira menjelang Hari Raya Aidilfitri selepas diberhentikan kerja pada November 2014.

Bekas penyelia stor, A. Ghani Ismail, 62, berkata, perjuangan mereka berbaloi kerana akhirnya mereka mendapat keadilan di mahkamah.

Katanya, sebagai antara pekerja paling awal di syarikat berkenaan sejak 1980-an, dia mendapat pampasan tertinggi sebanyak RM20,000.

"Terima kasih terutama Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan wang tersebut akan saya gunakan untuk menyara kehidupan keluarga.

"Selepas diberhentikan kerja, saya menjadi imam di Masjid Kampung Paya Berenjut di



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) selepas menyampaikan cek kepada 709 bekas pekerja Perwaja Steel Sdn. Bhd. di Pejabat UMNO Kemaman di Kemaman semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

kawasan rumah," katanya selepas menerima cek pampasan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Pejabat UMNO Kemaman di sini semalam.

Seorang lagi bekas penyelia stor, Wan Amiriah Wan Endut, 50, berkata, namanya disenarai hitam bank kerana gagal membayar pinjaman selain terpaksa

menanggung hutang kad kredit.

Katanya, selama setahun dia hidup tertekan akibat diberhentikan kerja sebelum berjaya mendapat pekerjaan baharu sebagai eksekutif stor.

"Saya berkhidmat di Perwaja Steel 20 tahun dan bersyukur kerana perjuangan kami menuntut hak membuahkan hasil.

"Hadiah ini meringankan be-

ban kami untuk menampung perbelanjaan keluarga terutama menjelang Hari Raya Aidilfitri minggu depan," katanya.

Untuk rekod, Perwaja yang ditubuhkan pada 1982 beberapa kali bertukar pemilikan dengan dilanda pelbagai masalah termasuk masalah kewangan sehingga operasinya terpaksa ditutup pada November 2014.